



7 Jun 2012  
7 June 2012  
P.U. (A) 171

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH KILANG DAN JENTERA  
(PENGECUALIAN KEPADA POLYETHYLENE MALAYSIA  
SDN. BHD., KERTEH, TERENGGANU) 2012

*FACTORIES AND MACHINERY  
(EXEMPTION TO POLYETHYLENE MALAYSIA SDN. BHD.,  
KERTEH, TERENGGANU) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

### PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN KEPADA POLYETHYLENE MALAYSIA SDN. BHD., KERTEH, TERENGGANU) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

#### **Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian Kepada Polyethylene Malaysia Sdn. Bhd., Kerteh, Terengganu) 2012.**

#### **Pengecualian**

2. Semua bejana tekanan tidak berapi yang didaftarkan dengan Ketua Pemeriksa, dengan nombor pendaftaran dan perihalan yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, atas nama Polyethylene Malaysia Sdn. Bhd., Kerteh, Terengganu yang telah dikeluarkan perakuan kelayakan, dikecualikan daripada persediaan yang dikehendaki di bawah perenggan 17(b) Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [P.U. (A) 43/1970] bagi pemeriksaan ulangan yang berikutnya selepas habis tempoh perakuan kelayakan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual.

#### **Syarat pengecualian**

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 tertakluk kepada syarat bahawa semua bejana tekanan tidak berapi yang dinyatakan dalam Jadual menjalani pemeriksaan luaran dan ujian tanpa musnah dan Pemeriksa berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan dan ujian itu.